



مجلس بڠڬاي ڤتالڠ جاڤا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7956 3544 Faks: 03-7958 1494

Hotline MBPJ: 03-7954 2020 E-mel: aduan@mbpj.gov.my Laman web: www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL Ruj. Kami : MBPJ/090100/T/A6/JLD 16 ()

Tarikh : 13 JANUARI 2020

MBPJ PERKENAL SALURAN WHATSAPP ADUAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah memperkenalkan saluran baharu aduan dengan menggunakan aplikasi *whatsapp* sejak 3 Januari 2020.

Saluran aduan ini diaktifkan bagi membolehkan orang awam untuk membuat aduan mengenai sebarang isu berkaitan kerosakan infrastruktur, kutipan sampah, anjing liar dan lain-lain aduan berkaitan perkhidmatan Majlis di kawasan Petaling Jaya.

Orang awam kini boleh menghantar aduan ke nombor **011-12017914**. Setiap aduan yang dihantar akan menerima mesej pesanan (*auto reply*) dan pengguna perlu melengkapkan butiran seperti berikut:

- 1) Nama Penuh :
- 2) No. Kad Pengenalan :
- 3) No. Tel :
- 4) Alamat (Pengadu) :
- 5) Keterangan Aduan :
- 6) Lokasi Aduan :

Setiap butiran dan **keterangan aduan yang tidak lengkap** akan menyebabkan aduan berkenaan **tidak akan diproses** untuk tindakan seterusnya. Untuk makluman, waktu urusan bagi saluran whatsapp adalah dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada waktu bekerja pada setiap hari Isnin hingga Jumaat (kecuali hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan Am)

Selain aplikasi whatsapp, alternatif lain saluran aduan MBPJ adalah seperti berikut:

- 1) Email: aduan@mbpj.gov.my
- 2) Talian Hotline: 03-79542020
- 3) Faks: 03-79551804
- 4) Facebook: <https://www.facebook.com/mbpjaduan/>
- 5) Sistem Perhubungan Pelanggan: <https://embpj.mbpj.gov.my/>
- 6) Aplikasi 'eAduan MBPJ' di peranti *android playstore*.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Seksyen Aduan (Unit Komunikasi Korporat MBPJ) di talian 03-7956 3544 sambungan 118 / 203 / 208 atau kunjungi laman sesawang rasmi Majlis www.mbpj.gov.my atau layari laman sosial MBPJ (Facebook: @petalingjayacitycouncil, Twitter, Instagram: @pjcitycouncil)

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203 / 208, Faks : 03-79582695. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.